

78
NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 28 MAC 2018

RUJUKAN : 10616

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melaksanakan pengesyoran oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) demi mengurangkan kematian tahanan polis, ekoran daripada kematian N. Dharmendran, Soh Kai Chiok, dan S. Balamurugan.

79

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Selain PDRM, SUHAKAM turut dibenarkan melawat lokap polis bagi menentukan tahanan yang ditahan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa. Di samping itu, SUHAKAM boleh mengadakan sesi pendengaran bagi mengetahui punca sebenar kes kematian dalam tahanan mengikut Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) (Akta 700).

SUHAKAM boleh mengesyorkan hasil lawatan, kajian atau pendengaran mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi tujuan penambahbaikan atau ketidakpatuhan kepada prosedur yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan syor-syor yang dikemukakan itu, PDRM akan mengemukakan maklum balas tentang tindakan yang diambil ke atas syor-syor sama ada telah diambil tindakan atau sebaliknya berpandukan surat yang dikemukakan atau melalui mesyuarat dengan agensi berkenaan.